

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 26.5.2016**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah siswazah pendidikan yang masih belum ditawarkan penempatan di sekolah mengikut kursus pengajian hingga 2015, dan adakah ianya berpunca daripada kegagalan membuat perancangan dan unjuran keperluan guru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 5,823 graduan Pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam (UA) keluaran tahun 2015 sedang dan telah ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mulai 4 April 2016 hingga 19 Mei 2016. Urusan penempatan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada keputusan rasmi temu duga yang dikeluarkan oleh SPP.

Penyelarasan pengambilan dan penempatan graduan pendidikan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen. Kekosongan jawatan ini merangkumi

guru-guru yang bersara wajib, bersara pilihan, berlakunya peletakan jawatan dan kematian serta pembukaan institusi (sekolah) baharu. Keperluan opsyen pula berdasarkan kekosongan opsyen guru di sesebuah sekolah/institusi, jumlah pembukaan institusi baharu serta perubahan dasar semasa Kerajaan.

RJM81